

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramai pesakit bukan COVID-19 yang berkaitan pembedahan telah ditunda di Hospital Duchess of Kent, Sandakan sejak Mac 2020 akibat pandemik dan apakah yang dilakukan Kementerian untuk menyelesaikan hal yang tertunggak ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut rekod, bilangan kes pembedahan elektif major (bukan kecemasan) yang tertunda (pelbagai disiplin) di Hospital Duchess of Kent, Sandakan setakat 1 November 2021 adalah sebanyak 406 kes. Walau bagaimanapun, dengan keberkesanan program vaksinasi COVID-19 di Sabah, khususnya di Sandakan telah melihatkan penurunan kes COVID-19 serius yang memerlukan rawatan di hospital dan seterusnya telah membolehkan pesakit-pesakit dijadualkan semula untuk rawatan pembedahan elektif in-house bermula 1 November 2021 secara berperingkat.

2. Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pelbagai tindakan untuk menyelesaikan isu rawatan tertunggak di fasiliti-fasiliti kementerian termasuk Hospital Duchess of Kent, Sandakan, antaranya ialah:

- (i) memperluas **penyumberluaran perkhidmatan perubatan (pesakit bukan COVID-19) kepada pihak hospital swasta** bagi menangani isu rawatan tertunggak. Bagi tahun 2020, sebanyak 19 kes pembedahan elektif major telah dilaksanakan secara penyumberluaran, manakala untuk tahun 2021 pula, sebanyak 16 kes pembedahan elektif major telah berjaya dilaksanakan dan 11 kes lagi sedang dalam proses rujukan ke fasiliti perubatan swasta; dan
- (ii) pelaksanaan **Program Pembedahan Elektif Pada Hari Sabtu** kepada semua hospital berpakar Kementerian Kesihatan di Sabah agar fasiliti dewan bedah sedia ada dapat digunakan secara optimumnya bagi menyelesaikan semua tunggakan kes elektif dan meningkatkan '*Operating Hours*'.

Sekian, terima kasih.